

Isu Xenofobia Terhadap Pelajar Antarabangsa Warganegara Afrika di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

The Issue of Xenophobia Towards African National Students in Malaysia: A Preliminary Study

Mohd Mazdan Mohd Jamil¹, Sity Daud²& Aizat Khairi³

^{1,2,3}Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Article progress

Received: 14 February 2026

Accepted: 28 April 2026

Published: 31 May 2026

*Corresponding author:

Mohd Mazdan Mohd Jamil,
Pusat Kajian Sejarah, Politik
dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan, , Universiti
Kebangsaan Malaysia,
43600, Selangor, Malaysia
Email:
mazdanjamil@gmail.com

Abstrak: Artikel ini membincangkan isu xenofobia yang dihadapi oleh golongan pelajar antarabangsa warganegara Afrika di Malaysia melalui satu tinjauan awal dalam meneliti pengalaman, persepsi dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini. Peningkatan kehadiran golongan pelajar warganegara Afrika di negara ini telah menimbulkan pelbagai reaksi serta persepsi negatif terutamanya di kalangan masyarakat, susulan laporan media tempatan berkaitan pembabitkan segelintir warganegara Afrika dengan pelbagai kegiatan jenayah di negara ini. Pada masa sama, timbul isu xenofobia terhadap pelajar warganegara Afrika ke Malaysia apabila mereka menerima stereotaip negatif, diskriminasi sosial serta layanan tidak adil daripada masyarakat setempat dan pihak berautoriti. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti bentuk xenofobia, persepsi dan cabaran yang dihadapi oleh golongan pelajar warganegara Afrika di negara ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen, artikel, jurnal, laporan media dan hasil temu bual awal melibatkan 4 orang pelajar warganegara Afrika yang terpilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa xenofobia bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan psikologi, mental dan keselamatan insan terhadap pelajar warganegara Afrika, tetapi turut memberi implikasi terhadap reputasi Malaysia sebagai destinasi hub pendidikan global. Maka dengan itu, artikel ini menegaskan keperluan intervensi berasaskan dasar, pendidikan awam dan kerjasama institusi bagi menangani salah faham, mengurangkan jurang persepsi dan mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif untuk pelajar antarabangsa. Tinjauan awal ini menyediakan asas penting untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam mengenai fenomena xenofobia dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia.

Kata kunci: Pelajar Antarabangsa; Warganegara Afrika; Xenofobia; Keselamatan Insan; Pendidikan Tinggi

Abstract: This article discusses the issue of xenophobia faced by international African students in Malaysia through an initial survey to examine the experiences, perceptions and challenges faced by this group. The increasing presence of African students in this country has caused various reactions and negative perceptions, especially among the community, following local media reports regarding the involvement of a few Africans in various criminal activities in this country. At the same time, issues of xenophobia have arisen against African students in Malaysia when they receive negative stereotypes, social discrimination and unfair treatment from the local community and authorities. Therefore, this study aims to identify the forms of xenophobia, perceptions and challenges faced by African students in this country. This study uses a qualitative approach based on the analysis of documents, articles, journals, media reports and the results of initial interviews involving 4 selected African students. The study findings show that xenophobia not only affects the psychological, mental and human safety of African students, but also has implications for Malaysia's reputation as a global education hub destination. Therefore, this article emphasizes the need for policy-based interventions, public education, and institutional collaboration to address misunderstandings, reduce perception gaps, and create a more inclusive environment for international students. This preliminary review

provides an important foundation for further in-depth research on the phenomenon of xenophobia in the context of higher education in Malaysia


Keywords: International Student; African; Xenophobia; Human Security; Higher Education

Pengenalan

Sistem pendidikan tinggi di Malaysia pada hari ini semakin berkembang pesat di peringkat global, ini didorong oleh transformasi yang telah dilaksanakan termasuk penggubalan dasar pendidikan tinggi nasional, peluasan institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta peningkatan dalam mobiliti pelajar antarabangsa. Ini menjadikan Malaysia muncul sebagai antara destinasi pendidikan antarabangsa yang pesat berkembang di rantau Asia sejak dua dekad yang lalu, selaras dengan aspirasinya untuk menjadi sebuah hab pendidikan global. Dasar pendidikan tinggi Malaysia yang inklusif, moden serta dinamik, kos sara hidup yang relatif rendah serta kepelbagaian budaya telah menarik minat ribuan pelajar antarabangsa, termasuk dari negara-negara di benua Afrika. Namun, peningkatan kehadiran pelajar warganegara Afrika ke negara ini turut mencetuskan reaksi sosial yang kompleks, khususnya berkaitan stereotaip negatif, prejudis dan pelbagai bentuk diskriminasi yang dikaitkan dengan golongan ini.

Malaysia sememangnya menjadi tumpuan para pelajar antarabangsa khususnya dari Afrika dan Timur Tengah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut Irene Tan (2011) dalam artikel *An Exploration of African Students in Malaysia*. kesukaran yang dialami golongan pelajar dari Timur Tengah dan Afrika untuk melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat pasca tragedi serangan 11 September, menyebabkan mereka mengalih tumpuan untuk melanjutkan pelajaran ke negara-negara lain termasuk Malaysia. Manakala Mulumba et. al., (2008) turut menyatakan bahawa pelajar antarabangsa dari benua Afrika adalah antara terbesar dan paling ramai berada di institusi pendidikan bertaraf antarabangsa. Ini turut diulas oleh Maringe & Carter (2007) dalam kajian *International Students' Motivations for Studying in UK HE: Insights into the Choice and Decision Making of African Students* yang menyatakan dianggarkan 1 daripada 15 orang pelajar antarabangsa di United Kingdom adalah pelajar warganegara Afrika.

Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia, statistik jumlah pelajar antarabangsa warganegara Afrika menunjukkan peningkatan signifikan bermula dari tahun 2014 iaitu seramai 10,811 orang kepada 21,510 orang pada tahun 2016. Berdasarkan rekod KPT, pelajar warganegara Afrika terutamanya dari Nigeria, Egypt, Libya dan Sudan merupakan paling ramai melanjutkan pelajaran di Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 hingga 2023 berlakunya penurunan pelajar warganegara Afrika ini berikutan kekurangan kemasukan pelajar dari Egypt, Libya dan Sudan. Rajah 1 di bawah menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa warganegara Afrika (Nigeria, Egypt, Libya dan Sudan) di Malaysia dari tahun 2014 hingga 2024.



Sumber : Statistik Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi

Rajah 1: Jumlah Pelajar Warganegara Afrika (Nigeria, Egypt, Libya dan Sudan) di Malaysia dari tahun 2014 hingga 2024

Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, media dan akhbar di Malaysia sering melaporkan dan menggambarkan golongan pelajar warganegara Afrika ini dengan perihai negatif, susulan laporan media yang memfokuskan kepada golongan ini dalam pelbagai kegiatan jenayah atau tingkah laku tidak bermoral di negara ini. Ini termasuk kegiatan jenayah seperti kes penipuan serta pemalsuan visa pelajar untuk terus berada di negara ini serta kegiatan pengedaran dan penyeludupan dadah (Latiff & Mala, 2017). Ini turut disokong Sotande (2016) yang mendakwa wujud insiden segolongan pelajar warganegara Afrika dari Nigeria, Ghana dan Senegal yang diberi upah untuk menjadi 'keldai dadah' dengan menyeludup masuk dadah ke Malaysia. Kehadiran warganegara Afrika ke Malaysia menimbulkan kebimbangan rakyat tempatan memandangkan penglibatan segelintir mereka dalam kes pemerdagangan manusia dan pengedaran dadah (Owoyemi, 2015).

Meskipun pembabitan golongan ini dengan kegiatan jenayah ini hanya melibatkan minoriti kecil, namun pemaparan oleh media massa dan akhbar yang menggambarkan golongan ini dengan perkara-perkara negatif telah mempengaruhi minda masyarakat tempatan secara amnya. Menurut Flückiger (2006) dalam kajiannya *Xenophobia, Media Stereotyping and Their Role in Global Insecurity* menegaskan bahawa media massa memainkan peranan besar dalam membentuk sentimen xenofobia di kalangan masyarakat apabila laporan berita ini memainkan naratif 'warganegara asing sebagai ancaman' berbanding analisis objektif sesuatu berita tersebut. Pembentukan persepsi dan stereotaip negatif masyarakat tempatan terhadap warganegara asing telah menyumbang kepada berlakunya xenofobia, iaitu bentuk ketakutan, prasangka dan diskriminasi terhadap individu atau kumpulan yang dilihat sebagai orang luar atau asing yang mampu mengancam terhadap keselamatan, nilai budaya atau identiti nasional masyarakat setempat (UNESCO, 2015).

Secara umumnya, fenomena xenofobia ini boleh berlaku di mana-mana negara malah mampu menjejaskan imej negara tersebut khususnya dalam aspek memberi perlindungan keselamatan insan terhadap warganegara asing. Dalam konteks negara Malaysia, fenomena xenofobia terhadap warganegara asing bukan sesuatu yang baru. Semasa pandemik Covid-19 melanda negara ini, isu xenofobia terhadap warganegara asing rancak dibincangkan di kalangan masyarakat tempatan hingga mereka dituduh punca penyebaran penyakit. Ini termasuklah menimbulkan desakan oleh masyarakat tempatan agar warganegara asing dihantar pulang ke negara asal mereka (SUHAKAM, 2022). Fenomena ini menjadi lebih ketara dalam konteks mobiliti pendidikan antarabangsa apabila pelajar warganegara Afrika di negara ini turut dilaporkan menghadapi stereotaip, diskriminasi sosial serta layanan tidak adil oleh masyarakat tempatan. Menurut Luedi (2018), reputasi Malaysia yang terkenal sebagai sebuah negara berbilang kaum dan budaya mampu tercalar apabila wujudnya sentimen negatif terhadap warganegara asing terutamanya dari benua Afrika. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis bentuk xenofobia yang dialami pelajar antarabangsa warganegara Afrika di Malaysia, serta menganalisis kesan serta cabaran yang mempengaruhi pengalaman mereka sepanjang berada di negara ini. Pada masa sama, pelaksanaan kajian ini adalah amat relevan dan signifikan bagi mengisi jurang akademik berhubung isu xenofobia di negara ini. Oleh itu, kajian rintis ini dijalankan bukan sahaja mengisi jurang tersebut, malah sebagai usaha awal dalam meneroka lebih lanjut cabang ilmu berkaitan isu xenofobia di negara ini.

Sorotan Literatur

Perbandingan Xenofobia dan Racism

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan xenofobia ialah diskriminasi berasaskan identiti asing yang mempengaruhi hak asasi manusia, keamanan sosial dan keselamatan global. Manakala menurut United Nations High Commissioner for Human Rights (UNCHR, 2018), xenofobia adalah suatu manifestasi diskriminasi yang melibatkan penindasan sosial dan politik terhadap warganegara asing, pendatang dan minoriti etnik di sesebuah negara. Dalam erti kata lainnya, fenomena xenofobia ditafsirkan sebagai ketakutan, kebencian, prejudis, atau penolakan terhadap individu warganegara asing yang berada di negara penerima warganegara asing tersebut, ini termasuk warganegara asing itu hadir sebagai pelancong, pekerja mahupun sebagai pelajar di negeri penerima tersebut.

Manakala menurut International Organization for Migration (IOM), xenofobia adalah satu sikap prejudis dan tingkah laku masyarakat tempatan yang menolak keberadaan warganegara asing di sesebuah negara tersebut, ini termasuk diskriminasi dalam akses pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan keselamatan bagi migran, termasuk pelajar antarabangsa (IOM, 2021). Menurut International Labour Organization (ILO), xenofobia adalah diskriminasi terhadap pekerja asing yang dikatakan punca kepada persaingan ekonomi dan persepsi ancaman terhadap pasaran kerja rakyat tempatan (ILO, 2016). Secara umumnya, PBB, IOM dan ILO menyifatkan bahawa xenofobia sebagai satu bentuk ketakutan, penolakan

dan diskriminasi terhadap individu yang dianggap asing atau warganegara asing, yang mempengaruhi hak asasi, kesejahteraan sosial dan penyertaan ekonomi golongan migran asing, pelajar antarabangsa dan minoriti etnik di sesebuah negara.

Menurut Adler (2008), istilah xenofobia adalah berasal dari bahasa Greek iaitu ketakutan tidak munasabah (*phobia*) terhadap orang asing atau warganegara asing (*xeno*). Tambahan beliau lagi, perasaan xenofobia ini merujuk kepada ketakutan dan ketidakselesaan yang mendalam terhadap kehadiran orang asing yang berbeza dari segi budaya dan cara hidupnya sehingga berlakunya permusuhan dan tidak toleransi terhadap orang asing tersebut. Pandangan ini turut diulas oleh sarjana lain seperti Barberis et. al., (2023) dan Monkhe (2012) yang berhujah bahawa xenofobia ini berpunca daripada kesalahan maklumat serta informasi sebenar situasi migrasi warganegara asing ini hingga mengakibatkan kebencian mendalam masyarakat setempat terhadap apa-apa perkara yang berkaitan warganegara asing tersebut termasuklah kebudayaan, kepercayaan serta agama dianuti dan cara hidup mereka. Manakala Azindow (2007) pula berpandangan gejala xenofobia ini akan mengakibatkan berlakunya diskriminasi dalam pelbagai aspek kehidupan warganegara asing dan isu ini dikhuatiri akan mencetuskan ancaman keselamatan dan ketegangan antara masyarakat tempatan dan warganegara asing tersebut.

Namun begitu, terdapat kekeliruan dari segi pemahaman masyarakat antara istilah xenofobia dan *rasicm* atau perkauman. Menurut Fredrickson (2002), perkauman atau *rasicm* berakar daripada kepercayaan terhadap hierarki kaum yang dianggap lebih unggul atau hebat berbanding yang lain. Manakala xenofobia pula berpunca daripada ketakutan terhadap orang asing yang tidak semestinya dikaitkan dengan kaum. Pandangan ini turut disokong oleh sarjana lain seperti Wimmer (2013) dan Mudde (2019) yang bersetuju bahawa xenofobia ialah ketakutan terhadap pendatang dan warganegara asing, manakala perkauman ialah diskriminasi berdasarkan ras atau etnik walaupun terhadap warga tempatan. Meskipun secara jelas para sarjana mentafsirkan istilah xenofobia dan perbezaannya dengan fenomena perkauman atau *rasicm*, namun masyarakat secara umumnya masih keliru dan menyamakan xenofobia dengan perkauman. Ini berikutan kurangnya pendedahan mahupun kesedaran di kalangan masyarakat berhubung fenomena xenofobia yang berlaku di negara ini serta perbezaannya dengan isu perkauman atau *racism*.

Isu Xenofobia di Peringkat Global dan di Malaysia

Pada era globalisasi masa kini, fenomena dan isu xenofobia ini merupakan perkara yang hangat diperdebatkan bukan sahaja di kalangan masyarakat malah diperingkat dasar sesebuah negara. Isu xenofobia merupakan fenomena sosial yang semakin mendapat perhatian dalam wacana global, khususnya dalam perkaitannya dalam konteks migrasi antarabangsa dan perubahan demografi sesebuah negara. Fenomena xenofobia ini sering dikaitkan dengan pelbagai bentuk diskriminasi terhadap warganegara asing sebagai contoh diskriminasi dalam ekonomi dan pekerjaan, ini berikutan ada negara yang memberi keutamaan kerja kepada rakyat tempatan berbanding warganegara asing. Situasi seperti ini terjadi apabila berlakunya prasangka, penolakan, dan kebencian terhadap individu asing yang dianggap mengancam ekonomi masyarakat tempatan (Crush & Ramachandran, 2014). Pandangan ini disokong oleh Card (2012) yang menyatakan bahawa persepsi pendatang asing akan merampas peluang pekerjaan atau menurunkan kadar gaji pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, kajian dari sarjana ekonomi melihat penglibatan pendatang asing dalam pasaran buruh adalah kecil atau neutral, namun persepsi ancaman ini tetap mengukuhkan sentimen xenofobik dalam kalangan masyarakat tempatan.

Secara umumnya terdapat pelbagai faktor yang mencetuskan fenomena xenofobia di sesebuah negara. Menurut Fakete (2018), tindakan media yang sering mengaitkan pendatang dengan jenayah dan ancaman sosial, sekali gus menormalisasikan wacana xenofobia di kalangan masyarakat. Pandangan ini turut disokong oleh Daniel (2025) yang menjelaskan bahawa kekerapan media yang membawa berita naratif negatif terhadap warganegara asing mempengaruhi minda masyarakat dengan laporan negatif tersebut. Pembingkai media yang menggambarkan sudut pandang negatif terhadap migran asing ini menyemarakkan fenomena xenofobia di kalangan masyarakat tempatan, sebagai contoh insiden anti-Muslim yang berlaku di Perancis dan Belgium selepas serangan pengganas di Paris pada tahun 2015, kebebasan media di sana secara terbuka mengaitkan insiden serangan Paris dengan pendatang Muslim telah meningkatkan insiden xenofobia terhadap komuniti Muslim termasuk vandalisme masjid, serangan fizikal dan diskriminasi dalam kehidupan seharian mereka (Cesari, 2017).

Dewasa ini, fenomena xenofobia semakin kompleks kerana ia bukan sekadar penolakan terhadap kehadiran warganegara asing, malah turut melibatkan struktur kuasa dan wacana nasionalisme bagi menyokong tindakan diskriminasi terhadap golongan migran, pelarian dan pelajar antarabangsa (Mudde, 2019). Misalnya seperti yang berlaku

di Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah, xenofobia sering berkait rapat dengan perdebatan mengenai pelarian, pendatang tanpa dokumen dan pencari suaka. Menurut laporan IOM, wujud peningkatan insiden diskriminasi, jenayah kebencian dan penolakan institusi terhadap komuniti migran, terutama mereka yang berasal dari negara Afrika, Asia Barat dan Asia Selatan. Berdasarkan laporan oleh European Union Agency for Fundamental Rights (FRA), fenomena xenofobia global turut dipengaruhi oleh dinamika geopolitik contohnya krisis pelarian Syria di mana telah membangkitkan sentimen anti-pelarian di beberapa negara Eropah, ini termasuk beberapa insiden serangan terhadap pusat pelarian, protes anti-imigran serta pembabitan parti politik yang membawa wacana ‘orang asing sebagai ancaman’ dalam kalangan masyarakat tempatan seperti Alternative für Deutschland (AfD) di Jerman dan National Front di Perancis (FRA, 2016).

Manakala dalam konteks Malaysia, isu xenofobia semakin ketara khususnya berkaitan kehadiran pelarian, pekerja asing mahupun pelajar antarabangsa. Menurut Syahredzan (2012), sikap prasangka, kebencian dan perasaan negatif terhadap warganegara asing kini semakin meningkat dek kerana terdapat laporan-laporan negatif oleh media massa. Beliau turut menambah warganegara asing sering dituduh sebagai punca segala macam masalah yang melanda negara ini. Pendapat ini turut disokong Hishamuddin (2020) turut berhujah bahawa di Malaysia, sikap benci terhadap warganegara asing bukan sesuatu yang baru, tetapi sikap yang telah lama terpendam. Beliau turut berhujah semasa pandemik Covid-19 melanda, sikap xenofobia ini mula hangat dibincangkan secara terbuka ke persada arus perdana Malaysia, dengan mengambil contoh isu pelarian Rohingya yang dianggap punca kluster Covid-19 di Pasar Borong Selayang dan Selangor Mansion hingga mencetuskan kegusaran dan kebencian rakyat terhadap golongan migran ini.

Manakala menurut Awang (2021) dalam artikel *Pasca Covid-19 Tanpa Diskriminasi Kaum* menyatakan pasca penularan wabak Covid-19 telah menyebabkan perubahan kepada norma hidup kebanyakan rakyat Malaysia terutamanya dalam aspek diskriminasi kaum dan warganegara asing, antara isu yang menjadi perdebatan hangat ketika itu adalah isu pelarian Rohingya yang dihalang berlabuh, penahanan besar-besaran terhadap migran asing, respon berbaur perkauman terhadap kelompok-kelompok tertentu terutama pelancong dari China dan pekerja asing serta kenyataan yang mengandungi stereotaip perkauman oleh beberapa pemimpin negara. Keadaan ini jelas mempamerkan situasi xenofobia yang ketara di kalangan masyarakat tempatan terhadap warganegara asing, Beliau turut menambah sikap xenofobia ini ditakrif sebagai garis fahaman ideologi politik kanan yang menggunakan semangat nasionalisme yang secara tidak langsung turut menyemarakkan sikap xenofobia di kalangan rakyat tempatan, sebagai contoh parti National Front di Perancis, Kotleba - Our Slovakia Party di Slovakia dan Golden Dawn parti ekstrem militan kanan di Greece.

Manakala Zainal (2020) menegaskan meskipun terdapat beberapa insiden di mana pelarian Rohingya melakukan provokasi serta bergaduh dengan pihak berkuasa, tindakan netizen Malaysia yang menyemarakkan kebencian mampu mencetuskan pertelingkahan apabila emosi masyarakat tidak dapat dikawal. Beliau turut mengecam tindakan kempen anti Rohingya yang dilancarkan oleh netizen Malaysia. Kewujudan ‘tentera netizen’ dalam kes kempen anti Rohingya merujuk kepada sekumpulan netizen yang menggunakan media sosial untuk mengembangkan sentimen ini. Selain pelarian Rohingya, pelarian Palestin juga turut menjadi mangsa xenofobia di negara ini. Menurut Ainin (2024), sewaktu Kerajaan membawa 127 orang pelarian Palestin ke negara ini bagi tujuan mendapatkan rawatan, terdapat komen-komen negatif netizen di media sosial yang mempersoalkan tindakan Kerajaan ini. Komen-komen negatif oleh netizen ini seolah-olah mempersoalkan tindakan Kerajaan merawat pelarian Palestin di negara ini dengan menggunakan peruntukan serta wang cukai dari rakyat. Meskipun hanya segelintir netizen Malaysia bersikap begitu, namun ia cukup untuk mencemarkan imej Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum dan cintakan keamanan.

Menurut KOMAS, sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan anti diskriminasi kaum menyatakan bahawa xenofobia boleh menyebabkan diskriminasi antara kaum dan dapat menggerakkan komuniti terhadap orang lain. Berdasarkan Laporan Diskriminasi Perkauman Malaysia tahun 2015-2024 yang diterbitkan KOMAS, menyatakan bahawa semasa pandemik Covid-19 melanda negara, sentimen xenofobia di kalangan masyarakat semakin memuncak. Ini berikutan wujudnya sentimen yang dimainkan di media sosial yang menyerang serta menuduh warganegara asing seperti pelarian Rohingya, pekerja asing Indonesia dan Bangladesh sebagai punca penularan wabak penyakit ini. Kempen-kempen seperti #NoRohingya dan #SendThemBack di media sosial menghantui kehidupan migran asing di negara ini pada ketika itu.

Fenomena xenofobia ini turut dirasai oleh golongan pelajar antarabangsa di sesebuah negara. Menurut Harris (2002) dalam *Xenophobia: A New Pathology for a New South Africa* menyatakan bahawa selain migran, golongan pelajar antarabangsa juga turut dikaitkan dengan peningkatan jenayah, persepsi ini menimbulkan rasa takut dan penolakan sosial

yang akhirnya diterjemah dalam bentuk diskriminasi serta layanan tidak mesra oleh masyarakat tempatan. Akibat daripada fenomena xenofobia ini, secara tidak langsung akan menjejaskan keselamatan insan pelajar antarabangsa apabila negara tuan rumah gagal menyediakan perlindungan terhadap mereka. Keadaan yang tidak selamat ini menyebabkan tekanan mental, kesunyian, dan prestasi akademik pelajar antarabangsa kian merosot Marginson (2012). Manakala Nyamnjoh (2019) berhujah perbezaan budaya serta norma sosial antara pelajar antarabangsa dan masyarakat tempatan merupakan antara punca menularnya xenofobia. Ketidaktahuan ini mencetuskan stereotaip negatif dan salah tanggapan terhadap pelajar antarabangsa. Namun, wujud pandangan kehadiran pelajar antarabangsa ini turut mencetuskan dilema kepada masyarakat tempatan apabila ada yang menganggap kehadiran mereka akan merebut serta merampas peluang pendidikan dan pekerjaan yang sepatutnya menjadi hak masyarakat tempatan (Gift, 2019).

Manakala menurut Abdullahi et. al., (2014) dalam artikel *Challenges confronting African students in Malaysia: A case of postgraduate Nigerian students at International Islamic University Malaysia (IIUM) Kuala Lumpur* menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh pelajar warganegara Nigeria di Malaysia termasuklah kesukaran dalam mengadaptasi budaya serta norma kehidupan di negara ini. Masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu juga antara menjadi cabaran dihadapi oleh mereka. Di samping itu, artikel ini turut mendedahkan pelajar warganegara Nigeria turut menjadi mangsa eksploitasi oleh ejen hartanah dan tuan rumah sewaktu mereka ingin mendapatkan kediaman untuk disewa. Ejen hartanah dan tuan rumah meletakkan kadar sewa yang tinggi kepada pelajar antarabangsa yang ingin menyewa rumah mereka. Ini turut disokong oleh Luedi (2018) yang menyatakan stereotaip negatif terhadap pelajar warganegara Afrika menyukarkan mereka untuk mendapat kediaman apabila majoriti tuan rumah enggan menyewakan kediaman kepada mereka.

Meskipun Malaysia dikenali sebagai hab pendidikan tinggi global, persepsi masyarakat terhadap pelajar warganegara Afrika sering dipengaruhi oleh stereotaip negatif serta laporan media yang mengaitkan golongan ini dengan pelbagai kegiatan jenayah (Kaur, 2019). Menurut kajian Latiff & Mala (2017) menjelaskan bahawa isu serta berita yang sentiasa dilaporkan akhbar Berita Harian adalah pembabitian warganegara Afrika dengan pelbagai kegiatan jenayah di negara ini, antaranya termasuklah kes pengedaran dadah, penipuan dalam talian seperti *love scam*, penipuan e-mel, penipuan parcel dan sebagainya. Pemaparan berita seperti ini yang melaporkan sesuatu kejadian dengan merujuk sesuatu golongan tertentu dan spesifik secara tidak langsung menggambarkan golongan tersebut kepada masyarakat, ini akan mengakibatkan masyarakat turut melihat golongan ini sebagai bermasalah.

Secara keseluruhannya, analisis perbandingan antara xenofobia global dan Malaysia menunjukkan bahawa walaupun puncanya mungkin berbeza mengikut konteks, pola diskriminasi, stereotaip dan penolakan terhadap orang asing mempunyai persamaan yang jelas. Justeru, memahami dinamika xenofobia dalam kedua-dua konteks ini adalah penting bagi merangka strategi intervensi, dasar sosial dan pendidikan awam untuk mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan berkeadilan.

Metodologi

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan penelitian, pembacaan serta menganalisis literatur kandungan sumber data sekunder mengenai isu xenofobia di peringkat global dan di Malaysia dan kegiatan jenayah yang melibatkan warganegara Afrika di Malaysia. Sumber sekunder merujuk kepada penelitian terhadap penerbitan buku ilmiah, tesis akademik, artikel jurnal serta kenyataan dan dokumen rasmi kerajaan yang berkaitan dengan isu ini. Sorotan literatur ini penting dalam setiap penyelidikan memandangkan ia membantu dalam mengenal pasti jurang kajian dan menunjukkan pemahaman yang mendalam terhadap perdebatan ilmiah dalam bidang berkaitan (Ridley, 2012). Pengumpulan data sekunder bercetak dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan di mana bahan rujukan diperolehi daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM dan pusat sumber Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM.

Manakala rujukan sumber sekunder tidak bercetak pula merujuk kepada buku elektronik, laporan akhbar serta jurnal artikel yang dimuat turun daripada laman web seperti SCOPUS, JSTOR, Emerald dan MyCite. Penulisan tesis akademik yang diperolehi daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara juga turut dirujuk dalam melengkapkan kajian ini. Jadual 1 menunjukkan hasil daripada proses pengumpulan data ini, sebanyak 97 artikel dianalisis merangkumi 79 artikel dan jurnal yang diterbitkan sekitar tahun 1994 sehingga 2024. Manakala selebihnya merangkumi maklumat

serta dokumen rasmi terbitan Kerajaan dan badan-badan antarabangsa dari Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), KPT, IOM seperti laporan tahunan, pelan tindakan, laporan kajian khusus dan laporan statistik turut digunapakai dalam kajian ini.

Jadual 1. Sumber Data

Kategori	Keterangan	Jumlah
Artikel jurnal	Jurnal berwasit SCOPUS, JSTOR, Emerald dan MyCite	79
Sumber data tambahan	Laporan tahunan, laporan statistik, akhbar atas talian, laman rasmi kerajaan dan lain-lain	18

Sumber: olahan penulis

Pada masa yang sama, pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual semi struktur turut dijalankan terhadap informan terpilih bagi meneroka bentuk xenofobia, persepsi dan cabaran yang dihadapi informan. Temubual semi struktur dipilih kerana ia adalah kaedah yang sesuai bagi mendapatkan data untuk menjawab objektif kajian ini. Kaedah temu bual merupakan kaedah terbaik dalam meneroka perspektif, makna subjektif dan pengalaman sebenar responden kajian. Kaedah ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana individu mentafsir situasi sosial secara lebih holistik serta berkesan (Kvale, 1996). Beberapa soalan utama dan soalan tambahan dibangunkan seiring dengan maklum balas yang dikemukakan oleh informan kajian. Kaedah ini dijalankan secara bersemuka dengan informan kajian. Informan yang terpilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar warganegara Afrika yang telah berada serta sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Kuala Lumpur dan Selangor lebih dari 1 tahun pengajian.

Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan bertujuan untuk mendapatkan informan yang tepat untuk kajian ini. Seramai 4 orang informan yang terdiri daripada pelajar warganegara Afrika telah dipilih memandangkan tempoh tinggal mereka di negara ini melebihi 1 tahun yang relevan untuk kajian ini. Kesemua informan terpilih ini memenuhi kriteria inklusif dan eksklusif dalam memastikan tahap kesesuaian terhadap data temu bual yang diperolehi. Penetapan jumlah informan yang dilibatkan dalam kajian ini adalah wajar memandangkan dalam kajian kualitatif tidak berasaskan pada jumlah ataupun kuantiti sampel seperti dalam kajian kuantitatif. Jadual 2 di bawah menunjukkan kriteria informan yang diperlukan dalam proses temubual ini.

Jadual 2. Kriteria Informan Kajian

Kategori	Kriteria Informan
Jenis Responden	Pelajar Antarabangsa Warganegara Afrika
Tahun Pengajian	Lebih 1 tahun pengajian/tinggal di Malaysia
Tahap Akademik	Minima Ijazah Sarjana Muda
Bahasa Digunakan	Bahasa Inggeris/Bahasa Melayu

Sumber: olahan penulis

Proses temu bual dengan informan yang tepat adalah penting untuk mendapatkan dan memahami ‘suara sebenar’ peserta, sekali gus menjadikannya sesuai untuk kajian yang menekankan pengalaman hidup, persepsi dan realiti sosial (Cresswell & Poth, 2018). Justeru, dalam konteks kajian ini, kesemua informan yang dipilih dapat memberikan informasi secara maksimum dan tepat untuk menjawab permasalahan yang dikaji dan informan tersebut dapat memberikan informasi yang hampir sama (hingga pada tahap tepu) terhadap permasalahan kajian ini. Penentuan jumlah informan seramai 4 orang ini dianggap memadai apabila data serta informasi yang diperolehi telah sampai pada tahap *redundancy* atau pada tahap tepu. Dalam erti lainnya, kesemua informan memberikan jawapan yang sama dan tiada jawapan yang baru serta berbeza bagi setiap persoalan yang diajukan semasa sesi temubual ini.

Kaedah Analisis Data

Analisis tematik digunakan bagi menganalisis data kajian ini. Analisis tematik merupakan kaedah analisis kualitatif yang paling fleksibel dan mudah disesuaikan dalam pelbagai reka bentuk penyelidikan. Ia membolehkan penyelidik mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema yang muncul daripada data secara sistematik (Braun & Clarke, 2006). Kaedah

analisis tematik ini selain daripada mudah difahami dan fleksibel, ia memberi gambaran holistik mengenai persepsi dan pengalaman informan kajian. Secara umumnya, analisis tematik merangkumi enam tahap proses dalam penyelidikan seperti mengumpul dan menyaring data kajian, menghasilkan kodifikasi awal, mencari tema kajian, membuat sorotan tema, memperhalusi kategori tema dan menghasilkan laporan kajian. Pembahagian data mengikut tema dan subtema ini membolehkan kajian ini dilakukan lebih tersusun dan membantu pengkaji memahami konteks kajian dalam pelbagai dimensi terutamanya berkaitan isu xenofobia terhadap pelajar warganegara Afrika di negara ini.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Profil Informan

Sepertimana dinyatakan dalam metodologi kajian, seramai 4 orang informan mewakili pelajar warganegara Afrika yang terlibat dalam proses temubual ini. Jadual 3 di bawah menunjukkan butiran kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3. Profil Informan


Informan	Umur	Jantina	Negara Asal	Tempoh Tinggal di Malaysia (Tahun)
1	21	Lelaki	Nigeria	1
2	23	Perempuan	Nigeria	2
3	24	Lelaki	Sudan	2
4	21	Lelaki	Nigeria	1

Sumber: olahan penulis

Berdasarkan jadual, kesemua informan adalah merupakan penuntut di IPTS di Kuala Lumpur dan Selangor. Jantina informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 3 orang lelaki dan seorang perempuan. Rata-rata informan ini tinggal selama 1 hingga 2 tahun di negara ini. Meskipun tempoh tinggal mereka di negara ini singkat, namun pengalaman mereka pada awal ketibaan adalah bersesuaian dalam melaksanakan kajian ini.

Bentuk Xenofobia, Pengalaman dan Cabaran

Berdasarkan hasil sesi temubual bersama kesemua informan, terdapat beberapa insiden serta situasi yang dihadapi mencerminkan bentuk xenofobia atau sikap prasangka yang negatif dihadapi mereka. Rajah 2 menunjukkan bentuk xenofobia yang dihadapi oleh kesemua informan kajian.



Sumber: olahan penulis

Rajah 2. Bentuk Xenofobia, Pengalaman dan Cabaran Informan

Berdasarkan rajah tersebut, terdapat empat bentuk insiden berkaitan xenofobia yang dialami oleh kesemua informan, antaranya adalah kesukaran mendapat rumah sewa, kekerapan pemeriksaan oleh pihak berkuasa, sering diberi gambaran negatif oleh media serta masyarakat dan menerima layanan tidak adil. Hasil tinjauan temubual mendapati kesemua mereka menyatakan isu paling ketara ialah kesukaran dalam mendapatkan sewa kediaman. Menurut informan:

"I still remembered during my early arrived and looking for apartment, I saw 'No Africans' flyers on the notice board," (Informan 1).

"Some landlords or agents exploiting international students like us. They try to charge extra fee since they knew students are desperate had no other option," (Informan 2).

"I came to Malaysia with my family and looking for suitable apartment. Unfortunately, landlords or agents look at us either rich or getting free money, they always try to push us by charging extra rental fee." (Informan 3).

"Some landlords are strictly banned African to rent their apartment, they only agreed with higher rental fee," (Informan 4)

Selain itu, kesemua informan turut menyatakan kekerapan pemeriksaan daripada pihak berkuasa seperti polis agak mengganggu kehidupan mereka sebagai pelajar antarabangsa. Meskipun mereka memahami tugas polis menjaga ketenteraman awam, namun mereka berpandangan stereotaip serta stigma negatif terhadap warganegara Afrika terutamanya berkulit hitam menjadikan mereka sasaran pemeriksaan pihak berkuasa. Pada masa sama, informan turut mendakwa wujud keadaan di mana mereka diugut oleh polis. Menurut informan:

"At one time, when I went to buy food and groceries, two persons come approached me and introduce themselves as policemen and request for passport and I.D. but I left it in my house. So, they asked me to buy them cigarette and let me go," (Informan 1).

"When we have gathering with friends at restaurant, a group of enforcement came and had checked on our I.D. and passport. We also need to go for drug test," (Informan 2).

"Police had come and checked to our apartment twice this year because they received report from neighbors," (Informan 4)

Pada masa sama, kesemua informan menyatakan tidak berasa selesa dengan gambaran serta stereotaip negatif terhadap warganegara Afrika. Meskipun tidak menafikan ada segelintir warganegara Afrika yang terlibat dengan kegiatan jenayah di negara ini, namun mereka merasakan tidak adil untuk menggambarkan kesemua warganegara Afrika sebagai penjenayah berbahaya. Menurut informan:

"Even there is ten locals and two Nigerians involve in a crime, the media would highlight 'Nigerians and others were detained'. I will not support those Africans coming here to commit various crimes. But, it is unfair see us as a criminal," (Informan 1).

"Some media are very bias in reporting about Nigerians. Example, when a crime is committed by five people and only one of them is Nigerian/African, they would portray the Nigerian as the principal actor," (Informan 3).

Seterusnya, para informan turut menyatakan mereka sukar mendapat akses kepada pelbagai perkhidmatan, contohnya rawatan di klinik, di kolej dan sebagainya. Namun, mereka berpandangan kemungkinan kekangan bahasa yang menjadi punca salah faham ini berlaku. Menurut informan:

"Sometimes I felt sad when local people seemed not welcoming us. But, it's different during fasting month, everybody seems friendly," (Informan 1).


"When I went to the immigration office, people there keep staring at me. I found difficulty when communicating with the security guard there until my Malaysian friend come and assist me," (Informan 2).

"At one time, my wife fell sick, I bring her to nearest clinic. The doctor and staff there seem reluctant to help us and keep asking me how I am going to pay the bill?," (Informan 3).

Berdasarkan maklumat oleh kesemua informan, dapat dilihat sememangnya wujud fenomena xenofobia di kalangan masyarakat. Kesemua informan turut berpandangan isu xenofobia ini tidak seharusnya berlaku di Malaysia terutamanya terhadap pelajar antarabangsa yang hadir ke negara ini.

Kesan Xenofobia Terhadap Pelajar Afrika di Malaysia

Berdasarkan temubual kepada kesemua informan, didapati isu xenofobia turut memberi kesan dalam kehidupan seharian mereka sebagai pelajar antarabangsa. Rajah 3 menunjukkan ringkasan kesan akibat xenofobia yang dialami oleh kesemua informan.



Sumber: olahan penulis

Rajah 3. Kesan Xenofobia Terhadap Pelajar Afrika di Malaysia

Berdasarkan rajah tersebut, terdapat empat bentuk kesan xenofobia yang dihadapi oleh kesemua informan antaranya termasuklah kesihatan mental dan psikologi terganggu, rekod akademik mereka terjejas, pergaulan di kolej terganggu dan berlakunya jurang komunikasi dengan masyarakat tempatan. Rata-rata informan bersetuju yang fenomena xenofobia ini mengganggu kesihatan mental dan psikologi termasuklah berasa terasing, kehilangan motivasi belajar, serta tekanan untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial yang tidak mesra hingga ada peserta yang menyatakan keinginan untuk berpindah ke negara lain. Menurut informan:

“Sometimes I felt like an ‘alien’ and not welcome in this country. We (African) deserve to be respect and treats us like other student” (Informan 1).

“For me, it’s difficult to settle down in this country because some local people treat us differently compared to other races like student from Arabs or China,” (Informan 2).

“I’m also sent my son to the local kindergarten. Unfortunately, some of the students there keep mocking my son. I don’t blame them but as parent, it is their (parent) responsibility to educate their kids” (Informan 3).

“Definitely we love to study here (Malaysia). But when it coming to the racial discrimination, I feel like don’t belong here and better move to another country,” (Informan 4).

Pada masa sama, kesemua informan turut terkesan dari aspek pergaulan di kelas atau kolej. Mereka merasakan kehadiran mereka sukar untuk diterima dalam komuniti kumpulan belajar. Ini berikutan pelajar tempatan lebih selesa untuk bergaul sesama mereka berbanding pelajar antarabangsa. Kesemua informan turut berpandangan, komuniti pelajar antarabangsa turut lebih gemar untuk berada dalam kelompok mereka sendiri. Menurut informan:

“I’ve found that quite difficult to make new friends when I arrived here. I feel more comfortable with other African students,” (Informan 1).

“It’s difficult to get mingle with other students, because if you can see, other international student like Chinese and Arabs even Malays will always hang out among themselves,” (Informan 3).

“Some seniors student (African) always gives help and guidance. They always remind me not to get into trouble and involved with drugs and drunk” (Informan 4).

Para informan turut menyatakan fenomena xenofobia mencetuskan tekanan emosi seperti kebimbangan, rasa terasing dan kemurungan. Keadaan ini menyebabkan informan sukar memberi tumpuan semasa kuliah. Pada masa sama, mereka berpandangan agak sukar untuk terlibat aktif dalam pembelajaran mahupun kegiatan luar kuliah. Ini sedikit sebanyak memberi kesukaran dalam mengekalkan konsistensi akademik mereka. Menurut informan:

“As a new student, I felt like demotivated, like everybody ignoring me. But when I think about my family, I cannot simply give up,” (Informan 1).

“As a student in foreign country, I felt like I am all alone without getting any support either from my classmate or lecturers. During that time (1st year) I almost give up, until I’ve met a few local friends,” (Informan 2).

“I am struggled to maintain my academic performance. During my first year, I didn’t manage to get a good result due to several issues like financing problem, my family, housing (rental) problem and many more,” (Informan 3).

“During classes, I unable to join any group assignment or study group. They (other students) seem friendly but difficult to get mingle with them,” (Informan 4).

Tidak dinafikan fenomena xenofobia yang dihadapi oleh golongan pelajar warganegara Afrika ini banyak memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Menurut Lee dan Rice (2007), diskriminasi terhadap pelajar antarabangsa akan mengurangkan keterlibatan akademik serta menghalang pencapaian optimum pelajar tersebut. Pada masa sama, diskriminasi dalam kehidupan pelajar menjerumuskan kepada penolakan sosial akan turut mengurangkan akses pelajar terhadap kolaborasi akademik, bantuan rakan dan peluang pembelajaran (Stein & Andreotti, 2016). Ini sekaligus akan menjejaskan bukan sahaja moral pelajar malah akademik pelajar antarabangsa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, isu xenofobia di Malaysia bukan sesuatu yang baru malah telah lama wujud dan diperdebatkan terutamanya di kalangan masyarakat dan pembuat dasar. Namun begitu, terdapat kekeliruan dalam stigma masyarakat tempatan dalam memahami perbezaan maksud dan konteks xenofobia dan perkauman atau *racism*. Merujuk kepada konteks kajian ini, isu xenofobia terhadap pelajar antarabangsa warganegara Afrika di Malaysia merupakan fenomena yang signifikan dan kontemporari dalam konteks mobiliti pendidikan negara masa kini. Ini berikutan, hebahan dari media massa dan akhbar tempatan yang menggambarkan golongan warganegara Afrika ini sebagai berbahaya dan sering terbabit dengan pelbagai kegiatan jenayah di negara ini telah meracuni pemikiran masyarakat secara amnya. Meskipun hanya segelintir daripada golongan ini yang terbabit kegiatan jenayah, namun tindakan masyarakat dengan menganggap atau stereotaip kesemua warganegara Afrika sebagai penjenayah dan berbahaya adalah tidak wajar sama sekali.

Melalui hasil tinjauan awal mendapati terdapat empat bentuk utama fenomena xenofobia yang dialami oleh pelajar warganegara Afrika di negara ini. Pada masa sama, isu xenofobia ini turut dilihat memberi kesan negatif terhadap kehidupan mereka sebagai pelajar antarabangsa di negara ini. Ini jelas menunjukkan bahawa fenomena xenofobia ini memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan psikologi, keselamatan insan, pencapaian akademik dan integrasi sosial kepada pelajar warganegara Afrika di negara ini. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan kualiti pengajian mereka, malah turut merosakkan reputasi Malaysia sebagai destinasi pendidikan antarabangsa yang berdaya saing. Dalam era globalisasi di mana persaingan menarik pelajar antarabangsa semakin meningkat, kewujudan xenofobia di negara ini secara langsung mewujudkan cabaran kepada aspirasi Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi global. Oleh yang demikian, kerjasama pelbagai pihak iaitu Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pengamal media dan masyarakat harus memainkan peranan dalam usaha menangani isu xenofobia di negara ini. Pendekatan bersepadu yang merangkumi dasar institusi yang lebih progresif, kempen-kempen kesedaran berkaitan pengukuhan hubungan antara komuniti tempatan dan pelajar antarabangsa wajar dilaksanakan.

Pada masa sama, kajian tinjauan awal ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam khususnya kajian berkaitan permasalahan, cabaran serta dilema keselamatan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa di Malaysia. Selain itu, penyelidikan masa hadapan berkaitan dasar pengurusan pelajar antarabangsa wajar dikaji semula bagi merangka dasar dan polisi yang holistik demi memastikan ekosistem pendidikan tinggi Malaysia lebih inklusif, selamat dan kompetitif di peringkat global dan pada masa sama aspek keselamatan dan juga kebajikan pelajar antarabangsa di negara ini turut terbela.

Rujukan

- Abdul Latiff Ahmad & Mala Kumar. (2017). Pemaparan warga Afrika di dalam Berita Harian. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 21-31
- Abdul Latiff Ahmad, Salma Ali, Ali Salman, Sabariah Mohamed Salleh. (2016). Adaptasi antarabudaya pelajar Nigeria di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 32 (2),105-120
- Adler, Marina (2008). Xenophobia. *Encyclopedia of Race, Ethnicity, and Society*, pp. 1419-1420
- Ainin Wan Salleh (2024, August 20). Xenophobia Fuelling Backlash Against Treating Palestinians In Malaysia, Says Shahril. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/08/20/xenophobia-fuelling-backlash-against-treating-palestinians-in-malaysia-says-shahril>
- Awang Ilham (2021). *Pasca Covid-19 Tanpa Diskriminasi Kaum*. Pusat KOMAS. <https://komas.org/article/pasca-covid-19-tanpa-diskriminasi-kaum>
- Azindow, Y. (2007). Insiders and outsiders: Citizenship and xenophobia. *African Studies Review* 50 (1):175.
- Azizan, N. A., & Zarina, O. (2015). Migrasi antarabangsa dan keselamatan di Malaysia: Daripada keperluan sosioekonomi kepada perspektif keselamatan. dalam Z. Othman & N. A. Idris (Eds.), *Migrasi dan keselamatan* (hlm. 1–24). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmi Nordin. (2022, Oktober 3). Lelaki Afrika mati ditetak, 8 ditahan gaduh lepas berhibur. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2022/10/03/lelaki-Afrika-mati-ditetak-8-ditahan-gaduh-lepas-berhibur/>
- Azmi Nordin. (2023, September 20). Sindiket 'love scam' aktif di media sosial tumpas, 9 ditahan. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2023/09/20/sindiket-love-scam-aktif-di-media-sosial-tumpas-9-ditahan/>
- Barberis, N., Costa, S. & Castiglione, C. (2023). Xenophobia and Xenophilia, the Bright and Dark Sides of Attitude Towards Foreigners: A Self-Determination Theory Approach. *Psychological Reports*, Vol. 0(0) 1–24
- Berita Harian (Online). 2013. *Warga Nigeria paling ramai terbabit penipuan komersial*. <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/WargaNigeriapalingramaiterbabitpenipuankomersial/Article>
- Berita Harian Singapura (Online). (2022, April 30). *Polis Singapura dan Malaysia tumpaskan dua sindiket penipuan cinta, berkas enam lelaki Afrika dalam operasi bersama*. <https://www.beritaharian.sg/singapura/polis-spura-dan-msia-tumpaskan-dua-sindiket-penipuan-cinta-berkas-enam-lelaki-Afrika>
- Bernama (Online). (2015, Disember 23). *Hanya 0.075 Peratus Pelajar Antarabangsa Terlibat Dalam Jenayah di Malaysia*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hanya-0075-peratus-pelajar-antarabangsa-terlibat-dalam-jenayah-di-malaysia-idris-jusoh-86416>
- Bernama (Online). (2018, Oktober 22). *Sindiket guna ayat cinta perdaya wanita sunyi tumpas*. <https://www.malaysiakini.com/news/448491>
- Bernama (Online). (2022, Ogos 18). *Sindiket Sarang Pelacuran warga Afrika di Cyberjaya diserbu, 10 ditahan*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2112135>
- Bernama (Online). (2023, September 20). *Cubaan Seludup Dadah Bernilai RMI juta dalam tin biskut gagal*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2227379>
- Bernama (Online). 2019. *Polis Negeri Sembilan tumpas sindiket 'Love Scam', 15 warga Afrika ditahan*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1743991>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Card, D. (2012). Immigration And Inequality. *Journal of the European Economic Association*, 10(1), 1–34.
- Cesari, J. (2015). *The Islamophobia debate*. Wiley
- Creswell, J. W., & Poth, N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage.
- Crush, J., & Ramachandran, S. (2014). Xenophobic violence in South Africa: Denialism, minimalism, realism. *Migration Policy Series*, 66.
- De Hass, Hein. (2007). Irregular Migration from West Africa to the Maghreb and the European Union: An Overview of Recent Trends. IMI Research Report. International Migration Institute.

- Diyanatul Atiqah Zakarya. (2022, Mac 1). 200 penduduk cemas, awang hitam bergaduh bawa kapak. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2022/03/01/penduduk-cemas-awang-hitam-bergaduh/>
- Fekete, L. (2018). *Europe's fault lines: Racism and the rise of the right*. Verso Books.
- Fredrickson, G. M. (2002). *Racism: A short history*. Princeton University Press.
- Fluckiger, Katja. (2006, December 6). Xenophobia, Media Stereotyping and Their Role in Global Insecurity. *Paper presented at GCSP Policy Brief No. 21 Xenophobia, Media Stereotyping, and Their Role in Global Insecurity*, (hlmn. 3-5). Geneva, Switzerland
- Gift, Thomas. (2019, January 9). Brexit, xenophobia and international students: how to combat 'public paranoia' over immigration. *The Conversation*. <https://theconversation.com/brexit-xenophobia-and-international-students-how-to-combat-public-paranoia-overimmigration-109444>
- Hafidzul Hilmi (2024, Ogos 20). Penjenayah warga Afrika mati ditembak polis: 10 lagi ahli kumpulan samun diburu. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1125103/penjenayah-warga-Afrika-mati-ditembak-polis-10-lagi-ahli-kumpulan-samun-diburu>
- Harris, B. (2002). Xenophobia: A new pathology for a new South Africa?. in *Hook, D. & Eagle, G. (eds) Psychopathology and Social Prejudice*, pp. 169-184, Cape Town: University of Cape Town Press
- Harun, M. H. M., & Yusoff, N. M. R. N. (2018). Persepsi masyarakat terhadap penglibatan warga asing dalam jenayah di Malaysia: Kajian kes di Lembah Klang. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(2), 45-56.
- Hashim, R., & Abd Rahman, A. (2020). Peranan mule account dalam pengubahan wang haram di Malaysia: Satu perbincangan melalui kajian kes. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*
- Hishamuddin Rais (2020, Jun 5). Benci Orang Asing. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/528816>
- Husni Mohd Noor (2022, Ogos 18). Sarang pelacuran warga Afrika diserbu, 10 wanita ditahan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/sarang-pelacuran-warga-Afrika-diserbu-10-wanita-ditahan/>
- Hussin, N. I., Shamsuddin, A. M., Mohamad Razali, M., & Boyman, S. N. (2018). Kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual di Malaysia. *Jurnal Perspektif, Special Issue 1*, 62–72.
- International Organization for Migration. (2021). *World migration report 2022*. IOM Publishing.
- International Labour Organization. (2016). *Promoting fair migration and addressing xenophobia in labour markets*. ILO Publications.
- Ismail, Z., & Aziz, A. (2019). Jenayah cinta siber di Malaysia: Suatu penelitian terhadap pengalaman mangsa. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(4), 1–10
- Kalidevi Mogan Kumarappa. (2016, Februari 15). Goyang dadah Afrika. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/02/115016/goyang-dadah-Afrika>
- Kvale, S. (1996). *Interviews: An introduction to qualitative research interviewing*. Sage.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2025. *Enrolmen pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengikut negara asal tahun 2003-2024*. https://mohe.gov.my/muat_turun/statistik/stat-2002-2024/173-data-pengajian-tinggi-malaysia-tahun-2002-2024/file
- KOMAS Malaysia. 2025. *Malaysia Racism Report: A Decade In Review (2015 - 2024)*. https://komas.org/download/Malaysia-Racism-Report_A-Decade-In-Review-2015-2024.pdf
- Lee, J. J., & Rice, C. (2007). Welcome to America? International student perceptions of discrimination. *Higher Education*, 53(3), 381–409.
- Leudi, Jeremi. (2018, Januari 7). Anti-African Bias Belies Malaysia's Multicultural Reputation. *Asia Times*. <https://asiatimes.com/2018/01/anti-african-bias-hurts-multicultural-malaysia/>
- Malaysia Gazette. (2017, Ogos 22). *Polis Tahan Sembilan Warga Afrika, Rampas Ganja*. <https://malaysiagazette.com/2017/08/22/polis-tahan-sembilan-warga-Afrika-rampas-ganja/>
- Malaysiakini (Online). (2015, Disember 28). *Penuntut Afrika Kahwin Wanita Tempatan Bagi Dapatkan Kerakyatan*. <https://www.malaysiakini.com/news/324756>
- Malaysiakini (Online). (2018, September 13). *Polis Tumpas Sindiket 'African Scam', Berkas 25 Warga Asing*. <https://www.malaysiakini.com/news/442927>
- Malaysiakini (Online). (2020, Disember 8). *Ada kelemahan dalam tadbir urus visa penuntut – PAC*. <https://www.malaysiakini.com/news/554359>
- Maringe, F., & Carter, S. (2007). International Students' Motivations for Studying in UK HE: Insights into the Choice and Decision Making of African Students. *International Journal of Educational Management*, 21, 459-475.
- Marginson, S. (2012). *International student security*. Cambridge University Press
- Mohd Husni Mohd Noor. (2022, Januari 7). Imigresen gempur aktiviti pelacuran warga Afrika. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2022/01/07/imigresen-gempur-aktiviti-pelacuran-warga-Afrika>

- Monkhe, Mapolo. (2012). *The Impact of the Xenophobia Phenomenon Of International Students at a Selected Institution of Higher Learning in the Western Cape*. [Master Dissertation, Cape Peninsula University of Technology]
- Mudde, C. (2019). *The far right today*. Polity Press.
- Ng, Kate. (2018, Januari 9). Racism in Malaysia's housing market: how landlords get away with barring African and South Asian tenants. *South China Morning Post*. <https://www.scmp.com/lifestyle/article/2127261/racism-malaysia-and-struggle-africans-and-south-asians-rent-kuala-lumpur>
- Nyamnjoh, F. B. (2006). Insiders and outsiders: Citizenship and xenophobia in contemporary Southern Africa. *CODESRIA*.
- Owoyemi, M. Y. (2015). The diaspora Nigerians' image problem of drug and fraud: A case study of the Malaysian-Indonesian experience through newspaper reports. *Journal of Social Sciences*, 11(2), 55-71.
- Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. (2010, Oktober 6). *Permasalahan Warga Afrika Barat Dalam Aspek Jenayah Narkotik di Malaysia*. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/06/10/permasalahan-warga-Afrika-barat-dalam-aspek-jenayah-narkotik-di-malaysia>
- Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. (2016, Mac 21). *Polis Rampas Dadah Bernilai RM1 Juta, Tahan Tiga Lelaki Warga Afrika*. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2016/03/21/polis-rampas-dadah-bernilairm1-juta-tahan-tiga-lelaki-wargaAfrika>
- Sabapatty, K. (2022, January 7). Pelajar wanita Afrika melacur di kondo mewah raih RM7,000 sebulan. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2022/01/07/pelajar-wanita-Afrika-melacur-di-kondo-mewah-raih-rm7000-sebulan>
- Safeek Affendy Razali (2024, September 6). Polis tembak mati lelaki Afrika dalang samun, geng sama suspek kes Bandar Sunway. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1294656/polis-tembak-mati-lelaki-Afrika-dalang-samun-geng-sama-suspek-kes-bandar>
- Sinar Harian (Online). (2019, Julai 9). *Sindiket Love Scam didalangi warga Afrika tumpas*. <https://www.sinarharian.com.my/article/36680/berita/jenayah/sindiket-love-scam-didalangi-warga-Afrika-tumpas>
- Sotande, O. E. (2016). *Transnational organised crime and illicit financial flows: Nigeria, West Africa and the Global North*. [Doctoral dissertation, University of Leeds]
- Stein, S., & Andreotti, V. (2016). Cash, competition, or charity: International students and the global imaginary. *Higher Education*, 72(2), 225-239.
- Tan, Irene. (2011). An Exploration of African Students in Malaysia. *US-China Education Review*, B6(2011), 856-861
- Daniel, T. (2025). Xenophobia in the Media: Critical Global Perspectives. *African Human Mobility Review*. 11. 10.14426/ahmr.v11i1.2756.
- Umar, A., M Noon, N.A., & Abdullahi, M. (2014). Challenges confronting African students in Malaysia: A case study of postgraduate students at International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur. *Journal of African studies and development*, 6(9), 161-168
- Umar, M. A. (2014). Education migration among Africans: A case study of Nigerian postgraduate students in International Islamic University Malaysia. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 19(5), 99-105.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. (2015). *Teaching respect for all: Implementation guide*. UNESCO Publishing
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. (2019). *Addressing xenophobia: Fostering inclusion and diversity*. UNESCO Publishing
- United Nations High Commissioner for Human Rights. (2018). *Report on contemporary forms of racism, racial discrimination, xenophobia and related intolerance*. United Nations.
- Utusan Borneo Online. (2018, September 14). *Sindiket 'African Scam' tumpas, 25 warga asing diberkas*. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/09/14/sindiket-african-scam-tumpas-25-warga-asing-diberkas>
- Wimmer, A. (2013). *Ethnic boundary making: Institutions, power, networks*. Oxford University Press.
- Yesufu, S. (2020). Human trafficking: A South African perspective. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(6), 103-120
- Zainal Rashid Ahmad (2020, May 13). Xenofobia Anti Rohingya Yang Memalukan. *The Malaysian Insight*. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/245086>